

BULETIN UTHM

Bil.7 Julai 2024 | ISSN 2232-0415



Hampir 700 pelajar baharu program diploma lanjut pengajian di UTHM

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Hampir 700 pelajar baharu program diploma lanjut pengajian di UTHM
- 3 Enam staf UTHM berjaya tamat Kursus Asas Polis Bantuan, terima Anugerah Pegawai Kanan Terbaik
- 7 UTHM lancar Almari Pakaian @UTHM Prihatin, kumpul baju terpakai bantu golongan memerlukan
- 8 Pertaruh HUSSEIN-Bot, pelajar UTHM raih anugerah di pertandingan World RoboCup 2024
- 10 Pelajar UTHM ketua delegasi ke Misi Sukarelawan Siswa YSS-Asean Green Summer Volunteer Campaign Vietnam 2024
- 11 Empat atlet UTHM berjaya raih pingat di ASEAN University Games 2024
- 12 Pasukan Bola Jaring UTHM raih tempat ketiga di Sukan Bangsa Johor 2024
- 13 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

SUB-EDITOR

Muhammad Zahir Ab'aziz
Suriyati Baharom

PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



DISEMPURNAKAN OLEH
MUHAMMAD IDZAM BIN DATO' HJ. JAAFAR
PENDAN PUSAT LATIHAN POLIS KUALA LUMPUR





Hampir 700 pelajar baharu program diploma lanjut pengajian di UTHM

PAGOH – Hampir 700 pelajar baharu mula mendaftar diri pada 28 Julai 2024 bagi melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pendaftaran yang dibuat secara fizikal kali itu melibatkan tujuh kursus yang ditawarkan oleh UTHM iaitu Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia, Diploma Sains Gunaan dan Diploma Teknologi Animasi.

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan semester khas sesi 2024/2025 bermula 4 Ogos ini secara bersemuka bertempat UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa yang dijadual berlangsung selama enam hari bermula 28 Julai sehingga 1 Ogos ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim turut menyambut kedatangan para pelajar baharu dan ibu bapa Ketika hari pertama pendaftaran berlangsung.

Turut serta menyantuni mereka, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad.

Dato' Ruzairi mewakili universiti mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada kesemua pelajar baharu tersebut.

Beliau berharap mereka dapat menggunakan peluang melanjutkan pengajian di UTHM ini dengan sebaik mungkin sekali gus dapat menjadi kebanggaan kedua ibu bapa serta universiti.

Untuk rekod, program diploma UTHM yang melibatkan tempoh masa pengajian selama dua

tahun sembilan bulan itu mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) serta mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Pelajar program diploma di UTHM mempunyai peluang yang tinggi untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah di universiti ini kerana CGPA yang diperlukan sekurang-nya 2.5 sahaja dan tidak perlu

bersaing dengan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), matrikulasi mahupun politeknik melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).

Selain itu, lebih 10 bantuan kebajikan telah disediakan oleh pihak universiti bagi membantu para pelajar yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan lancar.





Enam staf UTHM berjaya tamat Kursus Asas Polis Bantuan, terima Anugerah Pegawai Kanan Terbaik

KUALA LUMPUR - Bahagian Keselamatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat sejarah tersendiri apabila enam staf yang terdiri daripada seorang pegawai dan lima anggota berjaya menamatkan Kursus Asas Polis Bantuan (KAPB) yang berlangsung di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Rentetan itu, Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Polis Bantuan Siri 4/2024 telah diadakan pada 5 Julai 2024 lalu yang disempurnakan oleh Komandan PULAPOL Kuala Lumpur, YDH SAC Muhammad Idzam Dato' Hj Jaafar.

Mereka terdiri daripada Pengarah Bahagian Keselamatan UTHM, Muhammad Khair Mahmood Dean Bersama anggotanya Mohd Azwan Md. Azali, Khairil Amri Abd Hamid, Muhammad Syafaat Mohd Said, Muhammad Farid Sanaip dan Juliana Salan.

Lebih membanggakan, Muhammad Khair telah dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Baris dan turut menerima 'Anugerah Pegawai Kanan Terbaik' daripada lima anugerah yang diberikan.

Hadir sama ke majlis tersebut, Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Abd Ahmad Farid Md Said wakil rasmi Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi UTHM.

Untuk rekod, Kursus Asas Polis Bantuan Siri 4/2024 telah dijalankan selama dua bulan bermula 5 Mei 2024 sehingga 5 Julai 2024.

Kursus tersebut dihadiri oleh 23 agensi yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta universiti awam.

Seramai 166 pelatih terdiri daripada 19 pelatih pegawai kanan dan 147 pelatih konstabel telah menjalani kursus yang dijalankan.

Objektif utama pegawai dan anggota Bahagian Keselamatan menjalani kursus tersebut adalah untuk memperkasakan perkhidmatan keselamatan berlandaskan elemen kepolisan.

Selain itu, penyertaan kursus itu juga bagi memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan tahap intergriti dalam menjalankan tugas di kampus, selain antara syarat bagi seseorang pegawai dan anggota diberi kuasa sebagai polis bantuan.

Kredit gambar: laman Rasmi Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan Bahagian Keselamatan UTHM

GAMBAR MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN
KURSUS ASAS POLIS BANTUAN SIRI 4/2024





KTP@Kota Tinggi: UTHM lancar Projek Hidroponik Sifar Karbon, tujuh sekolah terima set hidroponik

KOTA TINGGI - Pusat Kecemerlangan Elektromagnet Gunaan (EMCenter), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah bekerjasama melancarkan Projek Hidroponik Sifar Karbon (HCO₂) sekolah-sekolah di bawah Parlimen Kota Tinggi pada 29 Julai 2024 lalu.

Majlis Pelancaran Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Program) KTP@Kota Tinggi yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan itu disempurnakan oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan merangkap Ahli Parlimen Kota Tinggi.

Hadir sama ke majlis pelancaran tersebut, ADUN Johor Lama, Cik Norlizah Noh; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad; Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM, Prof. Eur

Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SK Felda Lok Heng Selatan, Hayati Ibrahim.

Inisiatif ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekolah.

Tujuh sekolah di bawah Parlimen Kota Tinggi telah terpilih untuk menerima set hidroponik sifar karbon iaitu Sekolah menengah Kebangsaan (SMK) Seri Aman, SMK Bandar Kota Tinggi, SMK Bandar Easter, SK Sedili Kecil, SK Felda Lok Heng, SK Felda Lok Heng Selatan dan SK Tun Dr. Syed Nasir.

Prof. Rabiah dalam ucapannya berharap set hidroponik solar itu dapat menarik minat pelajar dalam bidang STEM dan TVET, sekali gus dapat memberikan mereka pendedahan kepada teknologi pertanian moden yang lestari.

Kerajaan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan kepentingan STEM dan TVET sebagai salah satu tonggak utama dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara.

“Dengan memperkenalkan teknologi hidroponik yang mesra alam, kita dapat menggalakkan pelajar untuk lebih mencintai sains dan teknologi serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan kelestarian alam sekitar.

“Pendekatan ini penting dalam melahirkan generasi yang celik teknologi dan peka terhadap isu-isu alam sekitar,” katanya.

Melalui set hidroponik sifar karbon ini, UTHM berharap dapat melahirkan generasi yang celik teknologi dalam bidang pertanian dan menarik lebih ramai belia pelapis dalam kalangan generasi muda untuk terlibat dalam pertanian moden.

“Semoga program ini memberikan manfaat besar kepada semua pihak dan menjadi contoh kepada sekolah-sekolah lain di Malaysia, seterusnya membantu menjamin keselamatan makanan negara pada masa akan datang,” tambah Prof. Rabiah.

Terdahulu, MTUN yang terdiri daripada empat universiti teknikal di Malaysia, termasuk UTHM diberi mandat untuk memperkukuhkan pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

“Kami komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan relevan dengan keperluan industri dan masyarakat serta serius dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi.

“UTHM turut memberi penekanan kepada pembelajaran berasaskan pengalaman melalui penganjuran program seperti Program Knowledge Transfer (KTP) dan Service-Learning Malaysia University for Society (SULAM), yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari di dalam bilik darjah ke dalam situasi dunia sebenar,” katanya.

Untuk rekod, Sekolah Kebangsaan (Felda) Lok Heng Selatan merupakan Sekolah Angkat UTHM yang telah menerima Anugerah Sekolah Angkat Aktiviti Paling Berimpak berikutan banyak program bertaraf antarabangsa yang dilaksanakan bersama UTHM.

Inisiatif Sekolah Angkat UTHM bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama antara universiti dan institusi pendidikan rendah serta menengah di Johor.

Melalui program itu, UTHM melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi impak sosial tinggi, termasuk program pemindahan ilmu dan pembangunan kemahiran dalam bidang yang diperlukan oleh negara.

Pelajar dan guru dari sekolah angkat berpeluang untuk terlibat dalam bengkel STEM, kursus TVET dan aktiviti kemasyarakatan yang lain.

Beberapa program berimpak telah dilaksanakan sebelum ini di daerah Kota Tinggi antaranya projek pembersihan pantai, bengkel dan latihan robotik peringkat daerah, misi bantuan banjir dan kursus pengendalian dron.





UTHM lancar Almari Pakaian @UTHM Prihatin, kumpul baju terpakai bantu golongan memerlukan

BATU PAHAT – Bagi membantu golongan memerlukan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim telah melancarkan Almari Pakaian @UTHM Prihatin bertempat di Galeri Wakaf, Masjid Sultan Ibrahim, kampus induk pada 2 Julai 2024 lalu.

Almari Pakaian @UTHM Prihatin merupakan program inisiatif Pusat Islam, UTHM yang bertujuan membolehkan pelajar, staf mahupun orang awam yang memerlukan untuk mengambil pakaian secara percuma.


Pengarah Pusat Islam, Shafry Salim berkata seluruh warga UTHM dipelawa untuk menyumbang pakaian terpakai yang masih dalam keadaan baik untuk tujuan kebajikan.

"Pihak kami menyediakan ruang yang dinamakan Galeri Wakaf untuk penyumbang meletakkan pakaian sumbangan mereka dalam keadaan tersusun agar memudahkan sesiapa sahaja yang memerlukan mengambilnya.

"Sekitar minggu ini, sumbangan pakaian terpakai mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga UTHM dan pihak kami berharap amalan sedekah jariah ini akan berlanjutan bagi membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Pada majlis yang sama, Naib Canselor turut melancarkan Kempen Jom Susun Kasut di Masjid dan Sumbangan Dana Prasarana Masjid Sultan Ibrahim, UTHM, selain turut menyumbang pakaian beliau sebagai tanda sokongan dan prihatin.





Pertaruh HUSSEIN-Bot, pelajar UTHM raih anugerah di pertandingan World RoboCup 2024

EINDHOVEN, 21 Julai 2024 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencipta sejarah apabila berjaya meraih tempat empat teratas bagi kategori ‘Robocup@Home(Playground)’ ketika menyertai pertandingan robotik terbesar dunia iaitu ‘World RoboCup 2024’ yang berlangsung di Eindhoven, Belanda pada 17 hingga 21 Julai 2024 lalu.

UTHM dianugerahkan ‘RISING FIGHTER’ dalam kategori ‘Robocup@Home(Playground)’, mengalahkan sembilan pasukan lain yang bertanding.

Untuk rekod, pertandingan yang dianjurkan oleh Worldwide Robocup Federation itu melibatkan penyertaan enam negara dengan sembilan kumpulan peserta termasuk Itali, Jepun, Mesir, China, Thailand, dan Malaysia.

Dua pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Muhammad Luqmanul Hakeem Ramli dan Puteri Alisha Balqis Mohd Sharif telah mempertaruhkan inovasi ciptaan mereka iaitu pengaturcara robot servis bernama HUSSEIN-Bot.

Kedua-dua mereka diselia oleh Dr. Abu Ubaidah Shamsudin dari Electric Vehicle Research Centre (EV-REC), UTHM.

HUSSEIN-Bot adalah robot servis yang telah dipinjamkan oleh Pengarah MyEDU AI Robotics Research Center, Profesor Dr. Jeffrey Too Chuan Tan yang mampu berinteraksi secara kompleks dengan manusia.

Menurut Dr. Abu Ubaidah, robot itu dilengkapi dengan kecerdasan buatan yang dapat mengenal pasti keadaan emosi manusia seperti marah, sedih dan gembira serta berusaha memperbaiki emosi tersebut dengan aktiviti yang menyeronokkan.

“Manusia juga tidak perlu memanggil robot kerana ia mampu menganalisis ekspresi wajah dan mengetahui bila ia diperlukan,” katanya.

Tambah beliau, HUSSEIN-Bot juga dilengkapi dengan teknologi terbaru seperti ‘follow me’, ‘receptionist’ dan ‘handsign’.

Teknologi 'follow me' membolehkan robot mengikuti pengguna dengan tepat, sementara 'receptionist' berfungsi sebagai penyambut tetamu yang mampu menjawab pertanyaan dan memberi panduan.

Teknologi 'handsign' pula membolehkan robot memahami dan memberi respon kepada isyarat tangan, menjadikan interaksi dengan manusia lebih intuitif dan efisien.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektrik, Profesor Madya Dr. Asmarashid Ponniran turut mengucapkan tahniah atas kejayaan kepada pasukan tersebut.

"Saya berharap kejayaan pasukan ini mampu memberi inspirasi kepada pelajar lain untuk menyahut cabaran globalisasi ilmu, melihat ke hadapan dan berusaha mengharumkan nama universiti di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan ini bukan sahaja meningkatkan prestij UTHM di arena antarabangsa tetapi juga membawa impak positif kepada negara," katanya.

Pertandingan itu merupakan platform bagi para pelajar UTHM untuk mengembangkan bakat dan mempelajari kemahiran baharu dengan penglibatan pihak industri dan universiti lain, sekali gus mampu mewujudkan jaringan kerjasama yang lebih luas.

Pelajar-pelajar UTHM yang terlibat dalam pertandingan seumpama itu juga mampu meningkatkan nilai tambah dan kelebihan kepada mereka dalam menghadapi persaingan dalam pasaran kerja kerana kemahiran dan pengalaman mereka diakui di peringkat global.





Pelajar UTHM ketuai delegasi ke Misi Sukarelawan Siswa YSS-Asean Green Summer Volunteer Campaign Vietnam 2024

Seorang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik mengetuai delegasi ke Misi Sukarelawan Siswa YSS-Asean Green Summer Volunteer Campaign Vietnam 2024 yang bermula pada 04 Julai sehingga 09 Ogos 2024.

Muhammad Shahrulazmi Hashim dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina telah terpilih mewakili universiti daripada 1040 calon yang hadir ke sesi temuduga dan pemilihan sukarelawan siswa yang diadakan pada 30 dan 31 Mac lalu anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Perpaduan Negara.

Shahrulazmi yang merupakan mantan Timbalan Yang Dipertua (TYDP) Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 pernah ditemubual oleh Bernama Radio berkaitan misi tersebut pada 5 Julai lalu dalam slot 'Jendela Fikir: Misi Sukarelawan Siswa YSS Green Summer Volunteer Campaign ke Vietnam 2024.' Menurut Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, Ts. Dr. Khalid Isa calon yang dipilih adalah mereka yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan yang mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

"Misi sukarelawan siswa yang dilaksanakan di Ho Chi Minh, Vietnam ini bermatlamat untuk membangunkan pelajar holistik dan seimbang yang sentiasa bermotivasi dalam mewujudkan dunia yang lebih baik.

"Ia juga bermatlamat melahirkan pelajar yang prihatin, bertanggungjawab dan empati terhadap isu-isu kemanusiaan domestik dan global," jelas beliau.

Dengan tema 'Kesukarelawan untuk Perpaduan,' misi tersebut dilaksanakan dengan konsep *immersion* yang mana sukarelawan siswa akan tinggal bersama komuniti tempatan dan melaksanakan kerja sukarelawan yang dirancang secara terperinci.





Empat atlet UTHM berjaya raih pingat di ASEAN University Games 2024

BATU PAHAT – Seramai empat atlet Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih empat pingat ketika mewakili negara menyertai ASEAN University Games (AUG) pada 25 Jun hingga 6 Julai lalu bertempat di Surabaya-Malang, Indonesia.

Atlet tersebut, Muhammad Arif Roslan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Norharis Muzammil Norhanan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) meraih pingat perak bagi acara Futsal.

Manakala Muhammad Fadhilah Izhar Tajudin dari FPTV meraih pingat gangsa bagi acara Silat Olahraga Putra C dan Nur Hanisah Zulkifli dari Pusat Pengajian Diploma (PPD) meraih pingat perak bagi acara Silat Olahraga Putri F.

Terdahulu, pasukan Malaysia telah menamatkan kem latihan pusat pada 7 hingga 9 Jun lalu bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Rentetan itu, satu majlis penyerahan bendera kontinjen negara telah diadakan pada 20 Jun lalu bertempat di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pengarah Pusat Sukan Universiti, Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh selaku wakil rasmi UTHM.

Kejohanan dwi tahunan yang dihoskan oleh tuan rumah, Indonesia itu telah menyaksikan 21 acara dipertandingkan di sekitar Surabaya dan Malang.

Secara keseluruhan, kontinjen Malaysia telah berjaya meraih 38 pingat emas, 47 perak dan 62 gangsa.

Untuk rekod, penganjuran AUG 2022 yang lalu menyaksikan 10 atlet UTHM terpilih mewakili Malaysia bagi acara Mendayung, Silat dan Futsal dan mereka berjaya membawa pulang dua emas, dua perak dan satu gangsa.

Penyertaan atlet UTHM bagi mewakili negara ke temasya sukan antarabangsa turut membuktikan bahawa mahasiswa UTHM juga berpotensi besar dan mampu pergi lebih jauh dalam bidang sukan selain bidang akademik.





Pasukan Bola Jaring UTHM raih tempat ketiga di Sukan Bangsa Johor 2024

KLUANG – Pasukan Bola Jaring Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mewakili DUN Semarang telah berjaya meraih tempat ketiga ketika menyertai Sukan Bangsa Johor 2024 di Kompleks Sukan Kluang Johor pada 13 dan 14 Julai 2024 lalu.

Seramai 12 pelajar UTHM dari pelbagai fakulti yang dilatih oleh Ts. Dr. Mohd Hilmi Izwan Abd Rahim, Pensyarah Kanan FPTP berjaya meraih tempat ketiga daripada 56 penyertaan dengan menewaskan DUN Larkin melalui pungutan mata 11 berbalas 4.

Pada masa yang sama, Pasukan Bola Jaring UTHM telah menjadi penyumbang kepada pungutan mata sehingga DUN tersebut dinobatkan sebagai 'Juara Keseluruhan' Sukan Bangsa Johor 2024.

Menurut Dr. Hilmi, Pasukan Bola Jaring UTHM berjaya menyumbang lima mata daripada 17 mata jumlah keseluruhan.

Tambah beliau, Sukan Bangsa Johor yang diadakan setiap tahun merupakan satu platform yang baik kepada pembangunan sukan di negeri Johor.

Platform Sukan Bangsa Johor yang menghimpunkan lebih 600 atlet bola jaring dari pelbagai daerah telah menonjolkan kepelbagaian kualiti persembahan pemain, selain berupaya meningkatkan kualiti kepengadilan yang bertaraf kebangsaan.

"Penyertaan Pasukan Bola Jaring UTHM ini merupakan satu langkah yang baik bagi meningkatkan kemahiran dan kualiti persembahan pasukan di peringkat negeri.

"Penyertaan UTHM ke kejohanan ini juga turut memberi peluang kepada pasukan ini bersaing secara sihat bersama pasukan-pasukan terkemuka dan hebat di negeri Johor," katanya.

Terbitan Terkini



MOBILITI PENGANGKUTAN WANITA

Yong Adilah Shamsul Harumain, Suhana Koting, Nuraihan Mohd Ibrahim

978-629-490-020-2

Mobiliti pengangkutan untuk wanita mempunyai konteks definisi mobiliti pengangkutan yang lebih luas. Walaupun tampak seperti suatu aspek perbincangan yang begitu khusus terhadap satu gender, mobiliti pengangkutan untuk wanita memerlukan suatu sistem dan dasar pengangkutan yang memberi keutamaan kepada pelbagai aspek antaranya aspek keselamatan, kebolehpapaian, keterjangkauan dan fleksibiliti yang memenuhi keperluan, cabaran dan halangan berbeza yang dihadapi oleh wanita. Konsep reka bentuk sejagat (universal design) yang begitu popular sejak 50 tahun yang lalu bukanlah suatu yang mudah dilaksanakan terutamanya dalam memastikan kesejahteraan dan kemudahan wanita untuk bergerak mencapai hasratnya. Oleh sebab itu, amat sukar untuk menemui bahan bacaan dan rujukan berkaitan mobiliti pengangkutan untuk wanita di Malaysia. Apatah lagi ditulis dalam bahasa kebangsaan. Buku ini telah ditulis berdasarkan beberapa siri kajian ilmiah yang dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun dan di olah menjadi satu naskah yang mampu menjadi sebuah rujukan khas kepada semua pembaca terutamanya bagi pelajar, ahli akademik, penggubal dasar dan orang awam yang ingin memahami mobiliti pengangkutan untuk wanita. Sebagai langkah awal untuk mendedahkan kepada pembaca dengan lebih terperinci mengenai mobiliti pengangkutan dan corak pergerakan wanita, buku ini diterbitkan dalam Bahasa Melayu dengan susunan bersifat umum dan diatur selengkap mungkin agar memberikan pemahaman secara mendalam kepada pembaca. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk berkongsi dapatan kajian mengenai mobiliti pengangkutan untuk wanita. Oleh yang demikian, buku ini sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan bagi semua golongan lapisan masyarakat dan dapat dijadikan inspirasi bagi menambahbaik sistem pengangkutan di Malaysia untuk wanita.



CITRA KOKURIKULUM MELESTARIKAN KEGEMILANGAN KOKURIKULUM

Fadillah Ismail, Mohd Khir Mohd Nor, Lutfan Jaes

978-629-490-021-9


RM39.00

Pandemik COVID-19 memberi tamparan kepada sistem pendidikan di pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Cabaran ini begitu dirasakan lebih-lebih lagi melibatkan pelaksanaan kokurikulum yang selama ini memberi penekanan kepada pembelajaran holistik merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Mendepani persekitaran yang mencabar ini, pelaksanaan kokurikulum juga perlu bersedia membuka lembaran baru dan turut berevolusi menyedari kepentingan kegiatan kokurikulum di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai ketinggian ilmu, nilai-nilai murni dan berkemahiran baru.

Melalui buku ini, pembaca berupaya menyelami permasalahan pokok yang berlaku di kala pandemik seterusnya menghargai strategi yang dapat diusahakan sebagai rujukan. Pendekatan penulisan secara akademik dan naratif yang diselaraskan di dalam buku ini dapat memberi persepsi yang positif kepada pembaca terhadap pelaksanaan kokurikulum sebagai elemen penting untuk mereda, menyembuh dan memberi keceriaan kepada pelajar melalui pendekatan alternatif dan inovatif.

[Beli Buku](#)

Terbitan Terkini



GEOSYNTHETIC FOR EFFECTIVE GEO-SOLUTIONS IN MALAYSIA

CHAN CHEE MING

978-629-490-008-0

RM64.00

This is a book which gathers the best practices and research endeavours from both industry and universities in Malaysia, to showcase the advances in design, construction, applications and testing of geosynthetics in the country. The 15 chapters present interesting technical innovations in the field, refinement of the understanding in geosynthetic-soil interaction and


mechanisms, as well as geo-environmental troubleshooting and solutions. This inaugural Technical Compilation by MyIGS aims to serve as a useful guide and reference for practitioners, researchers and academics alike, to position the effective use of geosynthetics for the present, and into the future.

[Beli Buku](#)



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030